



PERJALANAN TERKANDAS: Pemandu di Jalan Klang Lama terperangkap sehingga jam 7.30 malam tadi kerana laluan berkenaan tidak dapat dilalui.

8 kawasan tenggelam

Banjir kilat landa ibu negara selepas hujan lebat lebih 3 jam

Oleh Osman Lisut

KUALA LUMPUR: Hujan lebat yang melanda ibu kota petang semalam mengakibatkan banjir kilat di beberapa kawasan sehingga beratus-ratus kenderaan terperangkap dalam kesesakan jalan raya. Jurucakap Polis Trafik Kuala Lumpur berkata, pihaknya menerima laporan lapan lokasi banjir kilat di sekitar ibu negara mulai jam 2.30 petang.

Antara jalan yang dilanda banjir kilat ialah Lebuhraya Besraya yang air melimpah kedua-dua hala serta Taman Shamelin dan Bulatan Billion di Cheras.

"Selain itu, laluan ke Seremban berhampiran TUDM Sungai Besi dipenuhi air. Kawasan lain ialah Jalan Peel dekat Bulatan Kampung Pandan dan sekitar Institut Jantung Negara di Jalan Tun Razak. Seramai 60 anggota trafik ditugaskan mengawal sekitar ibu negara," katanya.

Tinjauan di Lebuhraya Besraya, susur keluar ke Seremban dari Jalan Tun Razak di Sungai Besi dan Jalan Pantai Baharu mendapati ramai pemandu kenderaan terperangkap.

Hujan lebat menyebabkan air naik setengah meter di beberapa kawasan rendah di Sungai Besi dan mengakibatkan kesesakan lalu lintas.

Sementara itu, lebih daripada 80 rumah dan kedai di Kampung Thambipillay, Jalan Klang Lama dinaiki air sedalam satu meter mengakibatkan kerosakan harta benda.

Seorang peniaga perabot, Low Ah



TERPAKSA REDAH: Penduduk Kampung Thambipillay di Jalan Klang Lama dinaiki air akibat limpahan Sungai Klang.

Chai, berkata banjir kilat disebabkan projek menaik taraf jalan di kawasan berkenaan hingga parit berhampiran tersumbat.

"Sejak projek dimulakan tahun lalu, lima kali banjir kilat berlaku, tetapi ini yang terburuk. Saya kerugian hampir RM10,000 kerana banyak barangan basah, kotor dan rosak terkena air lumpur," katanya.

Peniaga kedai makan, Zamrizal Mahyunis, 49, berkata beliau bukan saja kerugian kerana peralatan memasak dan kerusi meja rosak, malah pakaian tradisional bagi persembahan Mak Yong turut kotor.

"Banjir kali ini menyebabkan hampir sebahagian besar peralatan kedai tidak boleh digunakan. Bahan mentah yang dibeli juga rosak dan saya

menganggarkan kerugian hampir RM12,000," katanya.

Pengusaha restoran, Tamzi Antanah, 44, pula berkata banjir kilat disebabkan longkang di jalan besar tersumbat.


"Pada masa sama kawasan berkenaan yang rendah menyebabkan air bertakung sebelum mengalir ke sungai berhampiran," katanya.



SELAMATKAN DIRI: Pengguna jalan raya menyelamatkan diri selepas kenderaan mereka terperangkap di susur keluar ke Kuala Lumpur, Lebuhraya Besraya.



CARI TEMPAT SELAMAT: Beberapa rumah di Batu 4 Jalan Klang Lama terendam air.



GOTONG-ROYONG: Penduduk memindahkan peralatan rumah yang terendam air.

MOHD SARIEN NAFFIS | BERITA HARIAN

MOHD SARIEN NAFFIS | BERITA HARIAN